

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah hutang Kerajaan termasuk Syarikat-syarikat GLC setakat Oktober 2020 dan apakah langkah Kerajaan untuk membayar hutang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan pengiraan had statutori, nisbah hutang Kerajaan Persekutuan yang merangkumi instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) mencatat 56.6% daripada KDNK. Di samping itu, Kerajaan juga menanggung komitmen lain termasuk komitmen jaminan yang berjumlah RM177 bilion bagi tanggungan hutang syarikat berkaitan Kerajaan untuk pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur dan utiliti awam, hutang syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berjumlah hampir RM32 bilion serta liabiliti kewangan lain yang dianggarkan berjumlah RM173.3 bilion meliputi projek kerjasama awam swasta (PPP) dan projek yang dilaksanakan secara *off-budget* sebelum ini di bawah inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan PBLT Sendirian Berhad.

Dengan mengambil kira kesemua tanggungan ini, secara keseluruhannya pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan dianggarkan berjumlah RM1,257 bilion atau 87.3% daripada KDNK pada akhir September 2020.

2. Secara umumnya, Kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan pembiayaan semula hutang Kerajaan Persekutuan dilaksanakan secara teratur mengikut jadual. Dalam situasi krisis pandemik COVID-19 yang masih berlarutan ini, Kerajaan akan memberi tumpuan terhadap pemulihara ekonomi terutamanya menyokong aktiviti perniagaan dan memelihara kesejahteraan rakyat. Setelah ekonomi kembali pulih, Kerajaan akan kembali melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dan inisiatif pengukuhan kedudukan fiskal kerajaan dalam usaha memastikan paras pendedahan hutang dan liabiliti kewangan Kerajaan Persekutuan kekal terkawal dan terurus. Langkah tersebut termasuk meluaskan asas hasil, mengukuhkan pentadbiran dan pematuhan cukai serta peningkatan kecekapan perbelanjaan bagi mengawal paras defisit fiskal Kerajaan. Oleh yang demikian, keperluan pinjaman Kerajaan akan dapat dikurangkan dan seterusnya ini akan dapat mengawal pendedahan hutang dan liabiliti kewangan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Berkenaan tanggungan hutang syarikat GLC, kesemua GLC adalah bertanggungjawab untuk memenuhi obligasi kewangan mereka. Manakala bagi syarikat 1MDB, obligasi ini ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan sedang meneruskan usaha untuk mendapatkan kembali aset syarikat 1MDB. Sehingga 30 September 2020, baki Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset 1MDB adalah berjumlah **RM11.7 bilion** dan kesemuanya akan digunakan untuk membayar balik komitmen kewangan 1MDB.

Sekian, terima kasih.